

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan "**MyDebit Je Dengan Kad ATM Anda dan Menang**" ["Peraduan"] ini dianjurkan bersama oleh Watsons Personal Care Stores Sdn Bhd (Company No.: 289892 V) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 2000801035403 (836743-D)) (PayNet) ["Pihak Penganjur"].
2. Peraduan ini terbuka kepada semua pemegang Kad Mesin Pengeluaran Wang Automatik ["ATM"] MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang terlibat dengan servis MyDebit di Malaysia. Pemegang Kad ATM MyDebit tersebut mestilah penduduk tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dan mempunyai kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan ["Peserta"]. Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan Hadiah.
 - Peringkat 1: Apa-apa pembayaran minimum sebanyak RM80 dan ke atas menggunakan Kad ATM MyDebit layak mendapat maksimum 1 penyertaan untuk 1 (satu) resit;
 - Peringkat 2: Ahli Kad Watsons yang membuat pembayaran minimum sebanyak RM80 dan ke atas menggunakan Kad ATM MyDebit layak mendapat maksimum 2 penyertaan untuk 1 (satu) resit.
3. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - Wakil, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan atau ejen promosi bagi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan

1. Peraduan ini akan berlangsung dari **27 Oktober 2020, 12:01 AM sehingga 28 Disember 2020 jam 11:59PM** (Waktu Malaysia) ["Tempoh Peraduan"].

2. Sebarang penyertaan yang diterima selepas dari Tempoh Peraduan akan ditolak dan tidak sah.
3. Hanya pembayaran/transaksi menggunakan kad ATM MyDebit diterima menyertai Peraduan ini. Peraduan yang diterima di luar Tempoh Peraduan adalah tidak sah dan akan dibatalkan.
4. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau menamatkan Peraduan ini mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.
5. Hanya pembelian minimum bernilai RM80 dan ke atas di mana – mana cawangan WATSONS dengan menggunakan kad ATM MyDebit sebagai mod pembayaran yang dibuat dalam Tempoh Peraduan (dengan resit transaksi yang dicetak dengan jelas bersama-sama resit transaksi bank) berkecualan diambil kira sebagai penyertaan yang sah [**“Bukti Pembelian”**]. Peserta yang terpilih sebagai pemenang [**“Pemenang”**] adalah diwajibkan untuk mengemukakan Bukti Pembelian (asal) sebelum penebusan Hadiah boleh disempurnakan. Kegagalan membuat sedemikian akan mengakibatkan pembatalan kemenangan Hadiah yang dimenangi oleh Pemenang tersebut.

Cara Penyertaan

1. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan satu Bukti Pembelian yang dibuat dalam Tempoh Peraduan di mana-mana cawangan WATSONS. Penyertaan boleh dihantar melalui mana-mana satu dari cara berikut:

Cara penyertaan : Pengimbasan kod QR

- **Setiap penyertaan yang lengkap** hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
 - ii. Hantar gambar Bukti Pembelian bersama-sama penyertaan anda melalui imbasan kod QR di mana-mana cawangan WATSONS;
 - iii. Jawab soalan mudah dan isikan butiran-butiran seperti nama penuh, nombor kad ahli Watsons (jika ada), alamat emel, nombor telefon, nombor resit, alamat surat-menyurat dan lokasi pembelian
- Dengan menghantar penyertaan di dalam Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca dan bersetuju dengan notis privasi yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

2. Bukti Pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peserta akan **dibatalkan** jika Bukti Pembelian yang sama digunakan lebih dari SATU (1) kali.
3. Setiap Peserta hanya layak untuk memenangi SATU (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
4. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai (jika berkaitan). Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar Hadiah yang disediakan dengan hadiah yang sama nilai tanpa pemberitahuan terlebih dahulu atas budi bicara tunggal dan mutlaknyaa.
5. Pihak Penganjur, agensi, afiliasi, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap Hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana Hadiah, atau apa-apa tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul berkaitan dengan Peraduan ini.
6. Peserta dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah sebelum proses penebusan Hadiah. Ini adalah bertujuan untuk menyempurnakan proses pengesahan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang pudar atau rosak adalah tidak sah dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.

Pemilihan Pemenang

1. Pemenang akan dipilih selepas tamat Tempoh Peraduan. Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan yang layak diperolehi sepanjang Tempoh Peraduan **["Peserta Terpilih"]**.
2. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, hanya penyertaan yang dihantar mengikut tempoh peraduan layak memenangi mana-mana satu (1) Hadiah untuk tempoh peraduan.
3. Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan tetapi setiap penyertaan perlu dilengkapi mengikut tatacara yang dinyatakan di Klausula 1 (Cara Penyertaan) yang dinyatakan di atas.
4. Peserta akan dihubungi selepas tamat Tempoh Peraduan, sekiranya Peserta Terpilih tidak dapat dihubungi (melalui telefon atau melalui kaedah komunikasi yang lain), atau gagal

menjawab kesemua soalan dengan tepat atau tidak menyertakan penyertaan yang lengkap, Penganjur berhak membuat cabutan rawak seterusnya dan mengisytihar Peserta Terpilih yang berjaya menjawab kesemua soalan dengan tepat dan mempunyai penyertaan lengkap sebagai Pemenang.

5. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan Pemenang, Hadiah dan pelucutan hak Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan Pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

Hadiah & Penebusan

Jenis	Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	1 x Nissan Almera 1.5L E (tidak termasuk fi pendaftaran, insuran dan apa-apa cukai berkaitan)	1
Hadiah Pertama	5 x Samsung Galaxy Z 256GB Flip Phone	5
Hadiah Kedua	Samsung Galaxy S20 Ultra 128GB	10
Hadiah Ketiga	Samsung Galaxy Tab S7 128GB	10
Hadiah Keempat	Mata ganjaran Watsons bernilai RM500	50
Hadiah Kelima	Mata ganjaran Watsons bernilai RM250	100
Hadiah Saguhati	Mata ganjaran Watsons bernilai RM100	1,000

- Sejumlah satu ribu, satu ratus tujuh puluh enam (1,176) Hadiah untuk dimenangi.
1. Hadiah tidak termasuk apa-apa cukai yang berkaitan.
 2. Segala imej gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan Hadiah sebenar yang diterima.
 3. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal Hadiah (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh

Pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

4. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada Hadiah semasa proses penghantaran. Apa-apa kos tambahan lain (sebagai contoh perbelanjaan perjalanan) yang terlibat untuk menebus atau mengambil Hadiah akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
5. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan Hadiah pada tarikh dan tempat yang lain yang akan dimaklumkan oleh Penganjur kepada Pemenang sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
6. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan Hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan Hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
7. Penyerahan Hadiah kepada Pemenang yang dipilih bergantung kepada ketersediaan Hadiah yang akan dimaklumkan kepada Pemenang yang dipilih oleh Penganjur dari semasa ke semasa.
8. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan Hadiah adalah muktamad, dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta tidak akan dilayan.
9. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta Terpilih Mingguan/Utama melalui maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.
10. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai (jika berkaitan). Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar Hadiah yang diiklankan dengan hadiah yang sama nilai

tanpa pemberitahuan terlebih dahulu atas budi bicara tunggal dan mutlakny. Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap Hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana Hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.

11. Peserta dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah semasa atau sebelum penebusan Hadiah untuk tujuan pengesahan penyertaan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
12. Semua Hadiah tidak boleh dipindah milik.
13. Semua Pemenang mesti menuntut Hadiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak Penganjur (melalui WhatsApp atau lain-lain bentuk komunikasi) selepas tamat Tempoh Peraduan. Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut Hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah atau memberikan Hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan bukti identiti untuk menebus/menerima Hadiah mereka.
14. Sekiranya Pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut Hadiah bagi pihak mereka, wakil Pemenang hendaklah membawa surat wakil kebenaran yang ditandatangani oleh Pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri Pemenang dan wakilnya.
15. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan/atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan para Peserta untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur menggunakan dan menyiarkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang bagi tujuan pengiklanan, publisiti dan/atau untuk apa-apa tujuan lain, tanpa sebarang notis terdahulu, bayaran royalti atau pampasan kepada Peserta/Pemenang. Pemenang/Peserta adalah tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan terhadap material tersebut.
2. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
3. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan Pihak Penganjur, pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan, menunda, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini.
4. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan jika didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penyertaan Peraduan ini, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat-Syarat Peraduan ini.
5. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
6. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan atau kaedah Peraduan seperti yang dijelaskan di www.watsons.com.my/promo-membercontest atau sebaliknya, juga akan mengikat semua penyertaan Peserta dalam Peraduan ini.
7. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, terma yang terkandung di www.watsons.com.my/promo-membercontest akan diguna pakai.
8. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Melayu akan diguna pakai.
9. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.

10. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang dibuat oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau menerima apa-apa manfaat atau Hadiah daripada Peraduan ini) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, ahli gabungan, atau ejen yang sah tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang tersebut.
11. Pihak Penganjur, sekutunya dan pihak ketiga yang sah tidak menerima sebarang liabiliti tidak terhad kepada untuk penyertaan yang hilang, rosak, lewat atau atas sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

1. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab untuk apa-apa liabiliti yang terjadi akibat daripada kecuaiian atau perbuatan sengaja Peserta/Pemenang yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah, Peserta dan Pemenang bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan bagi liabiliti tersebut.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul disebabkan kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini
3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Peraduan ini dan semua keputusan pihak Penganjur.
4. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan adalah di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

Perlindungan Data

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan,

memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain **["Data Peribadi"]** untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Pelanggan di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

2. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi Peserta kepada Pihak Penganjur untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan Pemenang (jika perlu).
3. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberi persetujuan dan kebenaran mereka untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada mana-mana institusi kewangan bagi memproses Data Peribadi Peserta. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.
4. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
5. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman web pihak Penganjur di <http://www.watsons.com.my/privacy-policy> atau menghubungi talian pelanggan Penganjur di 1300 880 847 dari Isnin – Jumaat, 9:00 AM – 6:00 PM

6. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

7. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia

[TAMAT]